

BAB I  
PENDAHULUAN

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### A. Latar belakang masalah

##### I) Kelantan dan kedatangan Islam

Kelantan terletak di Timur Laut Semenanjung Malaysia yang merupakan sempadan bagi bangsa Melayu dengan Selatan Thailand. Laut Cina Selatan terletak di Utara dan Timurnya yang bergarisan pinggir pantai sejauh 50 batu.<sup>1</sup> Manakala di Selatannya ialah negeri Pahang dan di sebelah Baratnya pula ialah Perak dan Negara Thailand. Keluasannya kira-kira lima ribu tujuh ratus tiga belas batu persegi.<sup>2</sup> Bahagian Timurnya yang sedikit bergunung membahagikan Kelantan dari Trengganu.<sup>3</sup>

Patani yang dipisahkan oleh Sungai Golok dari Negeri Kelantan, pada suatu ketika dahulu berada di bawah naungan Kerajaan Malaya, tetapi telah masuk ke bawah pemerintahan Siam kemudiannya. Adalah suatu perkara yang mustahil untuk menulis tentang sejarah Kelantan tanpa menyentuh kawasan tersebut kerana keduanya saling berhubungan dalam beberapa abad yang lepas, yang

---

<sup>1</sup> William R. Roff, KELANTAN: Religion, Society And Politics In A Malay State, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1974. hlm. i.

<sup>2</sup> Arifin Rasyid, Sejarah Kelantan, Cetakan Pertama, Al Ahliyyah Press, Kota Bharu, 1962. hlm. 7.

<sup>3</sup> Anker Rentse, History Of Kelantan, Sumber dari Journal Malayan Branch, (Vol. xii, Pt. II, 1934, Royal Asiatic Society). hlm. 44.

pada suatu masa dahulu telah dibahagikan kepada dua buah kerajaan kecil.<sup>4</sup>

Menurut Anker Rentse, mungkin Kelantan wujud sebelum Melaka menjadi penting. Rombongan pedagang yang mula-mula datang ke Asia Tenggara dari Eropah, Arab dan India telah mengelilingi Pulau Tumasik (Singapura), terus ke Pantai Timur Semenanjung Malaya hingga ke Kelantan dan Igeh (Patani) dan mereka telah menyeberangi Siam, Cambodia hingga ke Cina. Kemudian jalan ini dilalui pula oleh Marco Polo pada 1292 M. Begitu juga dengan bangsa Cina yang melalui Teluk dari Cambodia menuju ke Kelantan pada tahun-tahun 2000 yang lampau.<sup>5</sup>

Kelantan didiami oleh manusia sejak dua atau tiga ribu tahun sebelum masihi. Ia berlandaskan kenyataan Doktor G. D. G. Siebeking pada tahun 1953 yang mengetuai rombongan di kawasan Gua Cha daerah tertinggi di Ulu Kelantan, Terdapat bukti-bukti yang menunjukkan ianya mempunyai kerajaan yang memerintah pada tahun 577 H. bersamaan 1181 M lagi. Ia diperkuatkan lagi dengan terjumpanya mata wang emas daripada bekas tapak Kota Istana Kubang Labu yang bertulis "Al Julius Kelantan 577" dan perkataan al Mutawakal di sebelahnya.<sup>6</sup>

---

<sup>4</sup>Ibid. hlm. 44.

<sup>5</sup>Ibid. hlm. 45.

<sup>6</sup>Md. Husin Khali'i Hj. Awang, Kelantan Dari Zaman Ke Zaman, Cetakan Pertama, Pustaka Dian, Kota Bharu, 1970. hlm. 6.

Penumpuan kajian ilmiah penulis adalah kepada daerah Pasir Puteh yang terletak hampir dengan sempadan Kelantan-Prengganu, iaitu lebih kurang dua puluh tujuh batu daripada ibu-negeri Kelantan. Pusat pentadbiran daerah ini berpusat di bandar Pasir Puteh tersebut yang telah di bina beberapa tahun sebelum Kelantan di serak oleh pemerintah Siam kepada British. Ia mempunyai hasil dalam bidang pertanian yang sudah lama dimajukan.<sup>7</sup>

Serentak dengan pembuktian kewujudan manusia di Kelantan, para pengkaji turut mengambilnya sebagai bukti kemasukan Islam ke situ selewat-lewatnya dalam abad ke 12 M.<sup>8</sup> Terdapat beberapa teori mengenai cara kemasukannya ke Kelantan. Ada setengah pendapat mengatakan bahawa seorang Syeikh Patani telah datang ke Sriwijaya, Kelantan untuk mengembangkan ajaran Islam. Pendapat ini mungkin benar kerana Patani menerima Islam selewat-lewatnya dalam abad ke 11 M.<sup>9</sup>

Di samping itu Sejarah Melayu pula menyebut bahawa Islam

---

<sup>7</sup> Ibrahim Nik Mahmood, The To' Janggut Rebellion Of 1915-KELANTAN, Religion, Society And Politics In A Malay State, di Edit oleh William R. Roff. hlm. 62.

<sup>8</sup> Nik Mahamad Bin Nik Mohd. Salleh, Perkembangan Pendidikan Dan Pengajian Islam Di Negeri Kelantan, Monograf Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Terbitan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Istana Jahar, Kota Bharu, Kelantan, Cetakan Pertama, 1985. hlm. 96.

<sup>9</sup> Ibid. hlm. 97.

telah tersebar di sana sebelum kurun ke 15 lagi di mana Kelantan yang di perintah oleh Sultan Mansur Shah telah di serang oleh kerajaan Melaka pada zaman pemerintahan Sultan Mahmud Shah. (1488-1528).<sup>10</sup>

Selepas kemasukan Islam, negeri Kelantan telah mengambil alih peranan yang dimainkan oleh Patani sebagai pusat penyebaran dan pendidikan Islam sebelum kejatuhannya di bawah kekuasaan Siam. Penyebaran Islam berjalan di Kota Bharu dan dikunjungi oleh ramai 'alim 'ulama' dari merata tempat. Di samping itu ia juga menjadi tempat bagi orang ramai untuk mencari Ilmu Agama sehingga ia pernah di gelar "Serambi Mekah". Serentak dengan perkembangan ilmu ini juga, aliran-aliran tasawuf dan tariqat-tariqat telah turut meresapi penghidupan umat Islam di Kelantan.

## 2) Perkembangan Tariqat Ahmadiyah di Kelantan

Tariqat Ahmadiyah mula muncul di Kelantan sekitar tahun 1800 an atau lebih tepat dikatakan pada tahun 1895 M. Kewujudannya dipercayai dipelopori oleh Haji Abdul Samad b. Muhammad Sal-

---

<sup>10</sup> W. G. Shellabear, Sejarah Melayu, Malaya Publishing House Ltd, Singapore, 1961. hlm. 205.

<sup>11</sup> Buku Cenderamata Upacara Perasmian Pembukaan Kompleks Balai Islam, oleh: Ke bawah Duli Yang Maha Mulia al Sultan Kelantan sempena perayaan hari ulangtahun Keputeraan ketiga puluh lapan Ke bawah Duli Yang Maha Mulia al Sultan Kelantan, pada April 1988, hlm. 15.

leh al Kelantani yang lebih dikenali sebagai Tuan Tabal.<sup>I2</sup> Beliau dilahirkan pada tahun 1840 dari keluarga yang berpendidikan Islam. Semenjak kecil Abdul Samad mendapat pendidikan agama yang secukupnya di mana dalam usia 14 tahun lagi beliau di hantar ke Patani yang ketika itu terkenal sebagai Pusat Pengajian Islam.<sup>I3</sup>

Beberapa tahun kemudian Tuan Tabal pergi ke Mekah untuk berguru dengan ramai 'ulama' terkenal. Disebabkan minatnya yang mendalam dalam ilmu taşauf, beliau telah belajar dengan Sidi Ibrahim al Rashidi iaitu murid kepada Sidi Ahmad b. Idris pengasas Tariqat Ahmadiyah. Kenyataan bahawa beliau sempat berguru dengan Sidi Ibrahim di kira benar apabila melihat kepada tarikh kembalinya Tuan Tabal ke Malaysia ialah pada tahun 1860 sedangkan Sidi Ibrahim meninggal pada tahun 1871 M (1291 H).<sup>I4</sup> Ketika itulah, beliau dikatakan menerima Tariqat Ahmadiyah yang lebih dikenali di kalangan penduduk Kelantan sebagai Tariqat Rashidi. Mungkin ia dinamakan sedemikian kerana Tuan Tabal telah menerimanya daripada Sidi Ibrahim al Rashidi.

---

<sup>I2</sup> Beliau dikenali sebagai Tuan Tabal bersempena kampungnya iaitu Kampung Tabal yang kini dikenali sebagai Kampung Tempoyak. Ia terletak di bawah pentadbiran kerajaan Thailand. Lihat William R. Roff, op. cit., hlm. 50.

<sup>I3</sup> Muhammad Uthman El Muhammady, Islam Di Kelantan: Ajaran Taswwuf Tuan Tabal Dalam Jala Al Qulub, di susun oleh Nik Abdul Aziz b. Hj. Nik Hassan, t.p., Cetakan Pertama, 1983. hlm. 67.

<sup>I4</sup> Hamdan Hassan, Tarikat Ahmadiyah Di Malaysia, Tesis Ph. D, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1985. hlm. 125.

Pada tahun 1870, Tuan Tabal berpindah ke Kota Bharu dan berkahwin dengan Wan Kalsom binti Wan Abdul Rahman. Kedatangan beliau ke situ telah membuka era baru kepada penduduk Kelantan dalam pembelajaran Ilmu Taşauf, apatah lagi apabila beliau mendirikan sebuah surau di Lorong Tok Semian.<sup>I5</sup> Pengajaran beliau di dalam bidang taşauf hanya bersifat umum tanpa mengkhususkan kepada Tariqat Ahmadiyah yang diterimanya. Walaupun begitu menurut cerita orang ramai, beliau memang mengamalkan Tariqat Ahmadiyah. Malahan fakta ini diperkuatkan lagi dengan adanya Surat Raja Kelantan Sultan Muhammad kepada Wan Ahmad b. Muhammad Zain al Patani yang menyebut bahawa Tuan Tabal telah menerima Tariqat Rashedi.<sup>I6</sup> Fakta ini boleh diperkuatkan lagi kerana setelah beliau meninggal dunia pada tahun 1906 M, anak-anak beliau iaitu Haji Wan Musa telah memperlihatkan dirinya sebagai pengamal Tariqat Ahmadiyah sama seperti bapanya, Beliau telah mendirikan sebuah su -

---

<sup>I5</sup> Surau tersebut dikenali sebagai Surau Tuan Tabal dan sehingga sekarang surau tersebut masih ada. Penulis juga mengunjungi surau itu dan mendapatinya masih berkeadaan baik dan terjaga. Mengikut penduduk di sekitar kawasan tersebut, surau itu telah di baiki oleh anak cucu Tuan Tabal untuk mengekalkannya di samping menjaga nilai-nilai sejarah.

<sup>I6</sup> Lihat Lampiran A. Lihat juga buku Sufi Dan Wali Allah, iaitu Pusaka perulisan Sheikh Wan Ahmad b. Muhammad Zain b. Mustapha al Patani, yang di perbaharui oleh Ustaz Wan Muhammad Sağhir Abdullah. Pustaka Aman Press, Kelantan, Cetakan Kedua, 1980. hlm. 17.

rau di Jalan Merbau untuk mengajar ilmu-ilmu agama termasuklah ilmu tasawuf. Tetapi beliau mengkhususkan pengajaran tasawuf kepada ajaran Tariqat Ahmadiyah, malahan beliau juga mengadakan majlis zikir secara terbuka dan dihadiri oleh penduduk-penduduk di sekitar Kota Bharu. Begitu juga dengan saudaranya Haji Wan Abdullah Wan Abdul Samad yang menyambung fungsi surau Tuan Tabal dengan mengajar ilmu agama dan mengadakan majlis zikir.<sup>I7</sup>

Pada awal-awal tahun 1916 M, kedua beradik ini sering berulang alik ke Trengganu. Di sana mereka sempat menyebarkan ajaran Tariqat Ahmadiyah yang lebih terkenal dengan sebutan Tariqat Sakhiliyah.<sup>I8</sup> Pada tahun-tahun berikutnya, Haji Nik Salleh dan Haji Nik Abdullah iaitu anak Haji Wan Musa telah muncul sebagai 'Culama' muda di Kelantan. Tetapi sayangnya mereka tidaklah begitu berminat untuk melibatkan diri di dalam ajaran tasawuf. Walaubagai manapun kadang kala mereka mengadakan juga kegiatan zikir di surau masing-masing di Jalan Merbau dan di Lorong Tok Semian.<sup>I9</sup>

Mengikut kenyataan yang dibuat oleh Ismail Awang di dalam majalah Pengasuh, Tariqat Ahmadiyah ini cuba dihidupkan kembali oleh Haji Wan Abdul Rahman b. Haji Nik Abdullah. Beliau dikatakan menerima tariqat ini daripada Haji Shafie Haji Salleh yang le

---

<sup>I7</sup> Hamdan Hassan, op. cit, hlm. 133.

<sup>I8</sup> William R. Roff, op. cit, hlm. 158.

<sup>I9</sup> Hamdan Hassan, op. cit, hlm. 140-141.



bih dikenali sebagai Tok Shafie yang berasal dari Patani. Beliau mengadakan majlis zikir pada tiap-tiap malam Jumaat dan Isnin dengan dihadiri oleh orang-orang di sekitar kawasan Kota Bharu yang berminat dengan ajaran tariqat tersebut. Pada tahun 1968, iaitu selepas kematian Haji Wan Abdul Rahman, Tariqat Ahmadiyah mula tidak mendapat perhatian daripada keluarga Tuan Tabal.<sup>20</sup>

Dalam masa-masa perkembangan Tariqat Ahmadiyah di kalangan keluarga Tuan Tabal ini, muncul Haji Muhammad Said b. Jamaluddin al Linggi yang berasal dari Negeri Sembilan<sup>21</sup> iaitu kira-kita tahun 1905 M.<sup>22</sup> Kemudian pada tahun 1917 M, muncul pula seorang lagi pemimpin Tariqat Ahmadiyah yang berasal dari Mekah iaitu Sidi Azahari b. Hassan dan buat kali keduanya beliau muncul pada tahun 1922 M. Kemunculan dua orang tokoh ini menimbulkan kontroversi di kalangan penduduk negeri Kelantan. Kedua-duanya adalah murid kepada Sidi Muhammad b. Ahmad al Dandarawi dan masing-masing mendakwa mendapat pengiktirafan dari Sidi Muhammad untuk menyebarkan aja-

---

<sup>20</sup> Ismail Awang, Haji Abdul Rahman Khatib, Pengasuh, Mac, 1976. hlm. 21.

<sup>21</sup> Haji Muhammad Said b. Jamaluddin al Linggi dilahirkan di Kampung Sha<sup>c</sup>bu Ali di Mekah pada 4 atau 3 Sha<sup>c</sup>ban 1290 H. Gelaran al Linggi diberi sempena dengan tempat tinggalnya di Negeri Sembilan iaitu kawasan Linggi. Ajaran Tariqat Ahmadiyah yang dibawanya berkembang luas di Negeri Sembilan. Sehingga sekarang anak cucu beliau masih mengamalkan tariqat ini dan menjadi sheikh di beberapa buah tempat di Negeri Sembilan, Melaka, Singapura, Brunei dan Kelantan. Beliau meninggal pada 12 Rabiul Awal 1345 H (1926).

<sup>22</sup> Nik Abdul Aziz, op. cit, hlm. 72.

Sidi Azahari mendakwa bahawa ajaran yang dibawa oleh Haji Said adalah menyeleweng daripada hakikat ajaran Tariqat Ahmadiyah yang sebenarnya.<sup>24</sup> Manakala Haji Said pula mengatakan bahawa Sidi Azahari telah melanggar perintah Sidi Muhammad b. Ahmad al Dandarawi yang menyuruhnya ke India, kerana Haji Muhammad Said yang di perintahkan untuk menyebarkan ajaran Tariqat Ahmadiyah di Asia Tenggara khususnya di Malaysia. Dakwaan ini dibuktikan lagi dengan adanya surat rasmi yang memerintah Haji Muhammad Said ke Malaysia.<sup>25</sup> Haji Muhammad Said banyak menumpukan kegiatannya di sekitar daerah Kota Bharu iaitu di Kampung Atas Banggol, Tegayong dan Pantai Che Latif. Sementara di daerah Tumpat ialah di Kampung Laut.

Menurut Haji Sa'ari Hussein,<sup>26</sup> kegiatan Haji Muhammad Said lebih tertumpu di Kampung Atas Banggol, iaitu pada tahun-tahun selepas 1910. Beliau melantik Haji Abdul Rahman iaitu anak Haji Awang yang lebih dikenali sebagai Haji Awang<sup>c</sup> Alim. Haji Abdul Rahman mengadakan majlis zikir pada tiap-tiap malam Jumaat sele-

---

<sup>23</sup> Temubual antara penulis dengan Haji Sa'ari Hussein pada 25hb. Oktober 1989 di Kampung Atas Banggol, Kota Bharu. Beliau merupakan menantu kepada Wan Ja'afar b. Haji Wan Daud iaitu wakil ketiga yang dilantik oleh Haji Muhammad Said untuk mengadakan majlis zikir di Kampung Atas Banggol di sekitar tahun 1940 an. Tetapi gerakan ini terhenti buat seketika setelah Wan Ja'afar meninggal dunia. Kini Haji Sa'ari mewarisi kembali ajaran Tariqat Ahmadiyah bermula pada tahun 1978 hingga sekarang.

<sup>24</sup> Nik Abdul Aziz, op. cit, hlm. 72.

<sup>25</sup> Lihat Lampiran B.

<sup>26</sup> Temubual dengan Haji Sa'ari Hussein.

pas sembahyang Maghrib di Surau Atas Banggol. Selepas kematian beliau, tugas tersebut diteruskan oleh saudara Haji Daud b. Haji Awang. Apabila meletus Perang Dunia Kedua pada 1941, tugas tersebut telah diambil alih oleh anak Haji Daud iaitu Haji Wan Ja'afar b. Haji Daud yang ketika itu berumur di awal 30 an. Tetapi usia beliau tidak panjang dan pada tahun 1946 beliau meninggal dunia. Sepanjang masa tersebut Haji Muhammad Said sering mengunjungi Kelantan untuk melihat perkembangan yang berlaku di situ sehingga beliau meninggal dunia. Kematian beliau memutuskan hubungan yang sedia ada ditambah pula dengan kematian Wan Ja'afar. Tetapi tiga puluh dua tahun kemudian, hubungan ini terjalin semula dengan kedatangan Haji Ahmad b. Muhammad Salleh ke Kelantan pada tahun 1978. Beliau ialah cucu kepada Haji Muhammad Said al Linggi.

Kedatangan Sidi Azahari ke Kelantan telah membawa kepada terbukanya beberapa lagi kawasan untuk gerakan Tariqat Ahmadiyah seperti yang terdapat di Lorong Gajah Mati, Kota Bharu oleh Haji Yaakub Haji Ahmad.<sup>26</sup> Beliau dikatakan berguru dengan Sidi Azahari, namun begitu ianya tidak kekal lama. Tokoh kedua penting selepas Tuan Tabal ialah Tuan Guru Haji Daud b. Haji Umar al Labadi yang merupakan murid kepada Sidi Azahari. Beliau membuka pusat halaqah zikir di kawasan Bukit Abal, Pasir Puteh yang dikatakan bermula pada tahun 1965.

---

<sup>26</sup> Ismail Awang, Haji Yaakub Haji Ahmad Gajah Mati, Pengasuh, April, 1976, Bil. 414. hlm. 24.

B. Pengertian judul dan perumusan Masalah

Tajuk kertas projek ini ialah "Sejarah Perkembangan Tariqat Ahmadiyah di Pasir Puteh, Kelantan". Sebelum diberikan pengertian tajuk kepada kertas projek ini dan dirumuskan masalah-masalah yang akan dibicarakan, terlebih dahulu penulis akan menghuraikan istilah-istilah yang terkandung di dalam kertas projek ini ia itu: "Sejarah", "Perkembangan" dan "Tariqat".

Perkataan "Sejarah" disebut التاريخ di dalam Bahasa Arab. Mengikut Kamus Dewan ia bererti: asal-usul (keturunan) atau salasilah, atau juga diertikan sebagai peristiwa yang benar-benar berlaku pada waktu yang lampau. Sementara Ilmu Sejarah pula dimaksudkan sebagai kajian atau pengetahuan mengenai peristiwa-peristiwa yang lalu.<sup>27</sup> Manakala dalam Bahasa Inggeris pula ia disebut "History" yang dihuraikan di dalam Kamus Oxford sebagai:

"Branch of knowledge dealing with past events, political, social, economic, of a country, continent or the world".<sup>28</sup>

Perkataan "Perkembangan" bererti: Proses berkembang untuk menjadi maju atau tersebar, membiak, meluas dan sebagainya.<sup>29</sup>

---

<sup>27</sup> Dr. Teuku Iskandar, Kamus Dewan, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, Cetakan 3, 1986. hlm. 1044.

<sup>28</sup> A. S. Hornby, Oxford Advanced Learner's Dictionary Of Current English, With A. P. Cowie and A. C. Gimson, Oxford University Press, Eighteenth Impression (revised and reset) 1985. hlm. 405.

<sup>29</sup> Teuku Iskandar, op. cit, hlm. 532.

Sementara istilah "Tariqat" pula mempunyai banyak ta<sup>c</sup>rif yang mengikut keadaan, zaman, masa dan tempat serta individu dan pengalaman masing-masing. Di dalam Bahasa Arab ia disebut الطريق<sup>ا</sup> dan jama<sup>c</sup>nya disebut طرائق. At tariq ialah jalan yang dilalui oleh orang-orang salik (ahli sufi), dan ditentukan kepada orang-orang yang menjalani perjalanan ini untuk menghapuskan sifat maz-mumah dan mengalih kepada sifat mahmudah.<sup>30</sup>

Secara umumnya, kajian ilmiah ini akan memperkatakan mengenai asal usul tasau<sup>f</sup> dan tariqat dalam konteks ajaran Islam, pengertian, perkembangan, sumber-sumber, matlamat serta hubungannya dengan <sup>c</sup>aqidah dan shari<sup>c</sup>at Islam. Namun begitu penulis akan memfokuskan kajian ini kepada asal usul Tariqat Ahmadiyah aliran Idrisiyyah<sup>31</sup> serta sejarah kedatangan dan perkembangannya di Kelantan khususnya di Pasir Puteh.

Setelah dihuraikan pengertian tajuk dan disebut secara umum tentang masalah yang akan dikaji, maka dapatlah dirumuskan bahawa masalah yang menjadi objek kajian kertas projek ini ialah:

- i. Bagaimanakah proses perkembangan Tariqat Ahmadiyah di Pasir Puteh, Kelantan ?.

---

<sup>30</sup> Dr. Syed Mohd. Aqiel B. Ali al Mhdaly, Dirasat Fi al Turugi al Sufiyyah, Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya, 1987/1988. hlm. I.

<sup>31</sup> Idrisiyyah ialah sempena nama pengasas Tariqat Ahmadiyah iaitu Sidi Ahmad B. Idris r. a.

- ii. Apakah pokok-pokok ajaran Tariqat Ahmadiyah di Pasir Puteh, Kelantan?.
- iii. Bagaimanakah pengaruh Tariqat Ahmadiyah di Pasir Puteh, Kelantan ?.

### C. Tujuan penyelidikan

Masyarakat pada hari ini seringkali menghadapi penyebaran ajaran-ajaran yang bercorak kerohanian samada secara sedar atau tidak. Malahan ajaran-ajaran tersebut sering bercampur aduk antara kebenaran mengikut al Quran dan al Sunnah atau sebaliknya, sehingga menimbulkan kekeliruan dalam membuat penilaian terhadap sesuatu yang berbentuk kerohanian.

Oleh itu tujuan penulis di dalam penyelidikan ini ialah:

- I. Untuk mendedahkan Ilmu Tasauf dan Ilmu Tariqat yang sebenarnya menurut Islam. Pengkajian ini dirasakan perlu untuk mengelakkan masyarakat daripada terjerumus ke dalam ajaran-ajaran kerohanian yang bertentangan dengan Islam kerana zaman kebelakangan ini ia sering dicemari oleh berbagai bentuk rekaan manusia yang tidak bertanggungjawab sehingga mewujudkan suatu metod tasauf yang yang bersalahan dengan Islam.
2. Untuk melihat bagaimanakah Tariqat Ahmadiyah yang dikenali ramai ini memasuki daerah Pasir Puteh dan sejauh manakah perkembangannya berlaku.

- 3. Untuk mengetahui apakah ajaran-ajaran pokok Tariqat Ahmadiyah dan membahaskannya dari kacamata Islam.
- 4. Untuk melihat dengan lebih dekat dan mengkaji sejauhmanakah penerimaan masyarakat serta melazimkan mereka dengan metod kerohanian ini dalam kehidupan mereka.
- 5. Untuk mengetahui setakatmanakah Tariqat Ahmadiyah ini mempengaruhi masyarakat Islam di Pasir Puteh.
- 6. Ingin mengajak masyarakat Islam supaya tidak cepat terpengaruh dengan tipu daya guru-guru yang tidak bertanggungjawab dan menyeleweng daripada landasan Islam.
- 7. Ingin mengkaji, menilai, merumus dan memberi saranan untuk menghidupkan kembali ajaran tasauf dan tariqat selaras dengan ajaran al Quran dan al Sunnah seperti beberapa abad yang lampau.
- 8. Ingin memberi pengetahuan kepada masyarakat agar mereka memiliki kemahiran dan kepandaian untuk membezakan antara ajaran kerohanian yang benar dengan yang salah.

REPOSIKALAH UNIVERSITI MALAYA

D. Metodologi penyelidikan

Dalam usaha untuk mengkaji, menyusun dan menyiapkan penyelidikan ini, penulis telah menggunakan beberapa metod iaitu:

- I. Metod penentuan subjek.

2. Metod pengumpulan data.

3. Metod analisa data.

Metod penentuan subjek digunakan dalam menentukan subjek penelitian. Penulis menggunakan metod sampling (contoh) iaitu dengan cara memfokuskan negeri Kelantan, kemudiannya, menentukan beberapa tempat di mana ajaran dan amalan Tariqat Ahmadiyah diamal serta disebarikan sebagai contoh penelitian. Dengan penggunaan metod sampling ini, penulis dapat mengkaji beberapa aspek seperti tempat Tariqat Ahmadiyah tersebar, keberkesanannya pada masyarakat serta pandangan masyarakat mengenainya. Kemudian daripada contoh-contoh itu penulis membuat generalisasi.<sup>32</sup>

Sementara metod pengumpulan data diguna dalam usaha penulis bagi memperolehi dan mengumpul fakta untuk tujuan penyelidikan. Penulis menggabungkan metod-metod berikut:

- i. Metod historis (sejarah).
- ii. Metod dokumenter.
- iii. Metod interview (wawancara).
- iv. Metod observasi.<sup>33</sup>

---

<sup>32</sup> Dr. Abd. Halim Mat Diah, Satu Contoh Tentang Huraian Metodologi, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya, 1987. hlm. 37.

<sup>33</sup> Ibid, hlm. 38.



Metod analisa data pula diguna oleh penulis bagi mengkaji data-data yang terkumpul. Penganalisaan ini amnya menggunakan metod analitis diskriptif kwalitatis yang secara nyata mengan<sup>u</sup>ndungi metod-metod berikut:

- i. Metod induktif,
- ii. Metod deduktif.
- iii. Metod komparatif.<sup>34</sup>

#### E. Sistematika penulisan

Untuk memudahkan perbincangan mengenai kajian ilmiah ini, penulis telah membahagikannya kepada lima bahagian utama. Tiap-tiap bahagian diolah dengan cara tersendiri dan mempunyai isi-isi yang berlainan hasil dari penyelidikan yang dijalankan oleh penulis.

Bab I memaparkan pengenalan tajuk kajian ilmiah secara umum atau dengan kata lain sebagai penghuraian istilah-istilah yang digunakan dalam tajuk kertas projek ini. Pendedahan latar-belakang masalah dibuat pada awal Bab I. Penulis menceritakan tentang geografi dan kedudukan Kelantan di Semenanjung Malaysia, serta sejarah ringkas kemasukan Islam dan T<sup>er</sup>iqat Ahmadiyah ke Kelantan. Selain itu Bab I juga mengandungi tajuk dan perumusan

---

<sup>34</sup> Ibid, hlm. 38-39.

masalah yang mendedahkan tentang apa yang hendak dibincangkan dan skop perbincangannya, tujuan-tujuan diadakan penyelidikan serta metodologi yang diguna dalam penyelidikan secara sepintas lalu.

Penulis telah membincangkan Landasan Toeri dalam Bab II yang mengandungi penghuraian ajaran tasau<sup>u</sup>f dan tariqat secara umum serta pandangan Islam terhadapnya. Perbincangan ini merangkumi konsep keihsanan dalam Islam, definisi tasau<sup>u</sup>f dan tariqat, matlamat dan dasar-dasarnya serta hubungannya dengan aqidah dan shari<sup>u</sup>at. Penulis juga menyentuh mengenai perkembangan tasau<sup>u</sup>f dari zaman Rasulullah s.a.w. hingga masa kini dan menyebut sebahagian nama-nama tariqat mu<sup>u</sup>tabar. Di samping itu penulis juga menulis tentang pengasas-pengasas Tariqat Ahmadiyah.

Bagi memperjelaskan metod-metod yang diguna di dalam penyelidikan, penulis telah menyediakan Bab III sebagai bab yang menerangkan secara terperinci metod-metod tersebut.

Laporan penyelidikan dimasukkan di dalam Bab IV di mana penulis mengkaji tentang proses perkembangan Tariqat Ahmadiyah di Pasir Putih. Penulis juga turut membicarakan mengenai ajaran-ajaran pokok tariqat tersebut. Di samping itu penulis juga mengkaji sejauhmanakah tariqat tersebut mempengaruhi masyarakat dan setakat manakah mereka mengamalkannya.

Selepas keseluruhan isi-isi tajuk dibincang, penulis meng-

guna Bab V sebagai penutup dan merumus kesimpulan serta membuat saranan supaya dapat dipertimbang baik buruknya. Di samping menjadi alternatif kepada masyarakat dalam usaha membina hubungan rohaniah yang suci bersih dengan al Khaliq serta menyuburkan ma-habbatullah, makrifatullah dalam dada dan hati manusia.